

Headline	Pengedar dadah dicekup dalam semak		
MediaTitle	Kosmo		
Date	25 Oct 2011	Color	Black/white
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	15	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	110 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 508
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,524



## Pengedar dadah dicekup dalam semak

**TEMERLOH** - Seorang lelaki berusia 36 tahun dipercayai pengedar dadah diberkas ketika meniarap di kawasan semak semasa serbuan polis di Kampung Bintang di sini pukul 1.30 pagi kelmarin.

Lelaki yang baru dibebaskan dari penjara sebulan lalu atas kesalahan mengedar dadah itu bertindak demikian selepas menyedari kehadiran polis di sebuah rumah yang dijadikan sarang penagih.

Ketua Polis Daerah Temerloh, Asisten Komisioner Md. Nor Mansor berkata, ketika serbuan, polis tidak menemui dadah di rumah itu kecuali dua buah motosikal yang ditinggalkan penagih.

"Anggota polis kemudian berpecah kepada beberapa kumpulan untuk mencari penagih dan ternampak kelibat seseorang bergerak sambil meniarap di kawasan semak tidak jauh dari rumah itu," katanya di sini kelmarin.

Md. Nor berkata, suspek cuba bangun untuk melarikan diri da-

lam keadaan terhuyung-hayang sebelum tersungkur ke tanah.

Jelasnya, suspek kemudian ditahan dalam keadaan khayal dipercayai akibat pengaruh dadah.

Kata beliau, siasatan awal mendapati suspek yang turut disahkan menghidap HIV dan tinggal bersama ibunya itu aktif mengedar dadah secara kecil-kecilan untuk mencari wang saku bagi menampung perbelanjaan harian.

"Polis menemui lima paket dadah dipercayai heroin seberat 5.2 gram bernilai RM500 dan dua pil eramine 5 berharga RM60 serta alat menagih di dalam beg galas milik suspek.

"Turut dijumpai ialah beberapa tiub straw kosong yang digunakan untuk membungkus dadah serta hampir 30 pemetik api dan beberapa jarum suntikan," katanya.

Ujarnya, suspek direman tujuh hari bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39A(2) dan Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952.